

NOOR HILMA BINTI JUNOH. Sejarah Perkembangan Dikir Barat Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Islam Di Negeri Kelantan.

Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90.

Manusia sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah s.w.t , seringkali mencari sesuatu yang dapat menenangkan jiwa mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa rasa keindahan adalah satu daripada fitrah semula jadi manusia yang lahir dari perasaan halus mereka. Semangnya Allah s.w.t sendiri sukakan sesuatu yang indah dan baik. Dan setiap sesuatu yang indah itu adalah merupakan pancaran seni anugerah Illahi yang harus dinilai dengan penuh rasa taqwa dan keimanan.

Umum mengetahui, bahawa permainan Dikir Barat merupakan salah satu daripada permainan tradisional rakyat negeri Kelantan. Berbanding dengan permainan tradisional yang lain, permainan Dikir Barat ini paling mendapat tempat di kalangan rakyat negeri Cik Siti Wan Kembang. Meskipun satu masa dahulu permainan ini hanya lah satu permainan yang dijalankan di masa lapang sahaja, tetapi hari ini permainan Dikir Barat sudah berkembang ke seluruh negeri di-Malaysia dan telah dikenali umum.

Namun begitu, disebabkan oleh peredaran masa dan banyak berlakunya pemodenan di dalam dunia hiburan hari ini, permainan Dikir Barat ini juga turut mengalami perubahan. Bentuk-bentuknya ya-

ng asal telah diubahsuai untuk disesuaikan dengan bentuk - bentuk musik di hari ini. Perubahan-perubahan yang berlaku di dalam permainan Dikir Barat ini merupakan satu penyelewengan daripada permainan asalnya, iaitu permainan Dikir Laba. Dan dikatakan bahawa permainan Dikir Barat ini adalah lahir dari inspirasi permainan Dikir Laba.

Jika dahulu permainan Dikir Barat ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan sahaja, tetapi juga menjadi alat komunikasi dalam memberikan sebarang maklumat kepada pendengar-pendengar. Namun hari ini, segalanya sudah berubah. Pendengar-pendengar Dikir Barat menjadikan permainan ini sebagai satu hiburan dan untuk berseronok semata-mata. Pertambahan di dalam alat-alat musik Dikir Barat ini juga telah menambahkan lagi kemungkaran-kemungkaran di dalam permainan ini, Antara sebab-sebab mengapa penulis memilih tajuk ini sebagai tajuk kajian:

1. Kerana penulis ingin mengetahui apakah sebab utama yang mendorong kepada lahirnya permainan Dikir Barat ini.
2. Bagaimanakah bentuk-bentuk asal permainan Dikir Barat ini.
3. Apakah terdapat unsur-unsur kesenian Islam di dalam permainan Dikir Barat ini.
4. Bagaimanakah cara yang paling sesuai untuk menerapkan ciri-ciri kesenian Islam di dalam permainan Dikir Barat ini.
5. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kesenian Islam

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat ke atas persoalan ini , penulis telah menggunakan beberapa metod penyelidikan seperti interview, observasi, dokumentasi dan lain-lain.

Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa:

1. Kesenian yang terkeluar dari ciri-ciri dan batas-batas kesenian di dalam Islam adalah haram untuk kita mengikut dan menghayatinya.
2. Kesenian Islam ialah satu kesenian yang dibangunkan di atas rasa ketakwaan dan keimanan kepada Allah s.w.t.
3. Dapat disimpulkan bahawa permainan Dikir Barat ini terdapat banyak unsur-unsur kemungkaran, lebih-lebih lagi yang terdapat di hari ini.
4. Ciri-ciri kesenian Islam hendaklah diterapkan bagi melahirkan satu permainan yang bertepatan dengan ciri-ciri Islam dan menghapuskan semua unsur-unsur kemungkaran di dalam permainan ini.
5. Para alim ulama dan cerdik pandai dalam bidang agama , hendaklah berperanan dalam pengubahsuaian permainan Dikir Barat ini agar lebih bersesuaian dengan ciri-ciri kesenian Islam serta dapat mengambil alih di dalam permainan ini.
6. Pengetahuan agama yang mendalam, adalah amat penting untuk melahirkan satu bentuk permainan yang tidak terkeluar dari batas-batas agama Islam.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kesenian yang benar-benar berlandaskan ajaran Islam akan mencerminkan keluhuran dan kemurniaan agama Islam itu sendiri. Sebagai penutup kata, penulis me-
mohon taufiq dan hidayah dari Allah s.w.t semoga dengan izin dan restunya hasil kajian ini dapat memberi kemanfaatan kepada diri penulis sendiri dan kepada mana-mana pihak yang terlibat, terutama-
nya kepada pencinta-pencinta seni Dikir Barat ini.